

27/11/1999

Dr M yakin menang lebih dua pertiga

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) akan memperolehi majoriti lebih daripada dua pertiga untuk menubuhkan kerajaan selepas pilihan raya kali ini.

"Kita akan dapat lebih dua pertiga sebab kali ini kita mendapati pengundi yang dulu tidak komited, majoriti senyap, sekarang ni mengambil berat.

"Kumpulan pengundi ini sudah membuat kenyataan terbuka menyokong BN," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas merasmikan majlis pecah tanah pembesaran lapangan terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu, di sini hari ini.

Turut bersama kira-kira 3,000 orang termasuk calon BN, penyokong dan ketua-ketua jabatan ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

"Mereka betul-betul bimbang dengan cadangan Pas untuk mewujudkan negara Islam dan mengamalkan hukum hudud dengan DAP pula nak menghapuskan hak istimewa orang Melayu," katanya menjawab soalan pemberita mengenai kedudukan BN buat masa ini.

Dr Mahathir berkata, Pas yang begitu tamak kepada undi akan menggunakan apa saja cara untuk memenangi pilihan raya sehingga sanggup memfitnah Tuhan sendiri dengan mengatakan Tuhan mencarut.

"Barisan Nasional berikrar untuk melindungi Islam daripada dicacatkan oleh sebuah parti yang begitu tamak kepada undi sehingga sanggup memfitnah Tuhan sendiri," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengajak rakyat menolak sama sekali Pas pada pilihan raya umum kali ini kerana parti itu banyak membuat penipuan dan fitnah sehingga menyebabkan perpecahan di kalangan orang Melayu, merosakkan akidah dan menyelewengkan ajaran Islam.

Perdana Menteri berkata, Pas membawa ajaran yang tidak secocok dengan Islam, termasuk mempengaruhi anak kecil supaya membenci sesama Islam, terutama pemimpin negara sehingga mereka terbawa-bawa sehingga besar dan ketika menuntut di institusi pengajian tinggi.

Akibatnya, akidah anak mereka terjejas dan tidak mahu berbaik-baik sesama Islam, katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Pas suka melihat suami isteri bercerai (perbezaan politik) dan tidak mahu orang Melayu bersatu dan mengajar orang Islam supaya tidak tahu bersyukur.

Beliau berkata, BN tidak mahu mengganggu penuntut di universiti supaya mereka dapat menguasai ilmu dan memperolehi kelulusan cemerlang, sebaliknya Pas pula masuk ke universiti dan mengganggu penuntut sehingga tidak dapat memberi tumpuan kepada pelajaran.

"Jumlah penuntut Melayu dan Islam tidak ramai, kalau diganggu, mereka tidak mendapat kelulusan cemerlang dan ini akan merugikan umat Islam," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap orang Pas terbuka hati dan tidak menutup langsung mata dan telinga mereka kepada penerangan yang jelas berasaskan kebenaran.

"Kita perlu mengkaji kebebasan berpolitik ini dan sekarang kita berpendapat kerajaan perlu lebih tegas," katanya sambil menambah penggunaan perkataan Islam pada Pas juga disalahgunakan parti itu, seolah-olah perkataan Islam itu menyebabkan ramai yang berpendapat Pas sebenarnya

parti Islam.

Projek pembesaran lapangan terbang itu akan dibuat dalam dua fasa membabitkan kos RM208 juta, dijangka dilaksanakan secepat mungkin. Lapangan terbang berkenaan akan menjadi yang utama bagi pantai Timur untuk menampung keperluan pengangkutan di Pahang dan Kelantan.

(END)